



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Levi Kenderaan Barang-Barang 1983
DR.37/1983

D.R. 37/83

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pengenaan levi atas semua kenderaan barang-barang yang meninggalkan Malaysia dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Levi Kenderaan Barang-Barang 1983 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh melantik tarikh-tarikh yang berlainan bagi mula berkuatkuasanya Akta ini berkenaan dengan bahagian-bahagian yang berlainan dalam Malaysia.
2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“kenderaan barang-barang” hendaklah mempunyai erti yang diberi kepadanya di bawah Ordinan Lalulintas Jalan 1958, Ordinan Kenderaan Jalan 1963, dan Ordinan Lalulintas Jalan 1960, masing-masing di Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak, sama ada atau

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

Tafsiran.

49/58.
Sabah
10/63.
Swk. 14/60.

tidak ada berkuatkuasanya berkenaan dengan kenderaan barang-barang itu suatu lesen atau permit, mengikut mana yang berkenaan, yang dikeluarkan masing-masing di bawah Bahagian V, Bahagian IV dan Bahagian V Ordinan-Ordinan tersebut;

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Kastam dan Eksais yang dilantik di bawah subseksyen (1) seksyen 3 Akta Kastam 1967.

Akta 235.

Levi kenderaan barang-barang dan siapa yang kena membayar-nya.

3. (1) Tertakluk kepada Akta ini, maka hendaklah dikenakan dan dilevi ke atas setiap kenderaan barang-barang yang meninggalkan Malaysia suatu levi yang dikenali sebagai levi kenderaan barang-barang.

(2) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan amaun yang hendak dilevi-kan di bawah Akta ini dan boleh, dari semasa ke semasa, meminda amaun tersebut.

(3) Apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (2) hendaklah dibentangkan dalam mesyuarat Dewan Rakyat yang akan datang dan hendaklah, apabila habis tempoh seratus dua puluh hari dari tarikh ia dibentangkan sedemikian atau suatu tempoh lanjutan sebagaimana diarahkan oleh Dewan Rakyat, melalui ketetapan, terhenti berkuatkuasa jika dan setakat mana ia tidak disahkan melalui suatu ketetapan yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam tempoh seratus dua puluh hari yang tersebut itu atau, jika tempoh itu telah dilanjutkan, dalam suatu tempoh lanjutan itu.

(4) Levi kenderaan barang-barang hendaklah dibayar oleh orang yang pada masa itu memandu kenderaan barang-barang itu.

Pengecualian.

4. Menteri boleh melalui perintah mengecualikan, seluruh atau sebahagiannya dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana difikirkan patut dikenakan, mana-mana kenderaan barang-barang atau kelas kenderaan barang-barang dari peruntukan-peruntukan seksyen 3.

Kesalahan.

5. Mana-mana orang yang gagal atau enggan membayar apa-apa levi kenderaan barang-barang mengikut seksyen 3 adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila

disabitkan, boleh dikenakan denda tidak lebih daripada seribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada tiga bulan atau kedua-duanya.

6. Jika apa-apa soalan yang berbangkit dalam mana-mana prosiding di bawah Akta ini, atau dengan merujuk kepada apa jua yang dilakukan atau dicadang dilakukan di bawah Akta ini, sama ada sesuatu kenderaan barang-barang adalah dikecualikan atau tergolong dalam suatu kelas kenderaan barang-barang yang dikecualikan di bawah seksyen 4, beban membuktikan fakta itu terletak pada orang yang memohon pengecualian itu.

Beban
bukti.

7. (1) Ketua Pengarah hendaklah mempunyai pengawasan ke atas semua perkara berhubungan dengan levi kenderaan barang-barang, tertakluk kepada arahan dan kawalan Menteri.

Pentadbiran
dan
penguat-
kuasaan.

(2) Ketua Pengarah boleh melantik, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, pegawai-pegawai sebagaimana difikirkannya patut untuk menguatkuasakan dan memastikan pematuhan yang wajar akan peruntukan-peruntukan Akta ini, termasuklah pendakwaan atas apa jua kesalahan di bawah Akta ini.

8. (1) Tiap-tiap pegawai apabila bertindak terhadap mana-mana orang di bawah Akta ini hendaklah, jika tidak beruniform, apabila diminta mengumumkan jawatannya dan mengemukakan kepada orang yang terhadapnya dia bertindak itu apa-apa dokumen membuktikan pengenalannya sebagaimana diarahkan oleh Ketua Pengarah supaya dibawa bersama oleh pegawai itu.

Kad kuasa
hendaklah
ditunjukk-
kan.

(2) Maka tidaklah menjadi satu kesalahan bagi mana-mana orang yang enggan mematuhi apa-apa tuntutan yang dibuat oleh mana-mana pegawai yang bertindak atau berupa bertindak di bawah Akta ini, jika pegawai itu tidak beruniform dan enggan mengumumkan jawatannya dan mengemukakan dokumen kenal dirinya apabila diminta berbuat demikian oleh orang itu.

9. (1) Orang yang pada masa itu memandu suatu kenderaan barang-barang hendaklah, apabila dikehendaki oleh seorang pegawai yang tersebut di bawah seksyen 7, mengemukakan apa-apa buku pendaftaran,

Kewajipan
menge-
mukakan.

lesen, permit atau apa-apa dokumen lain yang serupa itu yang dikeluarkan berkenaan dengan kenderaan barang-barang itu oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia atau mana-mana negara lain.

(2) Mana-mana orang yang gagal atau enggan mematuhi apa-apa kehendak yang tersebut dalam subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua ratus ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada enam minggu atau kedua-duanya.

Peraturan-peraturan.

10. (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi maksud menjalan atau menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Akta ini.

(2) Khususnya dan tanpa menyentuh keluasan kuasa yang diberi oleh subseksyen (1), peraturan-peraturan itu boleh mengadakan peruntukan bagi—

(a) pengutipan levi kenderaan barang-barang;

(b) tempatnya di mana levi kenderaan barang-barang hendak dibayar dan dikutip.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan mengenakan suatu levi yang disebut levi kenderaan barang-barang ke atas mana-mana kenderaan barang-barang setiap kali ianya meninggalkan Malaysia.

2. *Fasal 3* memberi kuasa kepada Menteri untuk mengenakan levi ini dan untuk menentukan amaun yang akan dikenakan dan *fasal 4* memberi kepada Menteri kuasa untuk mengecualikan mana-mana kenderaan barang-barang atau kelas kenderaan barang-barang daripada pengenaan levi ini sama ada seluruhnya atau sebahagiannya. *Fasal 5* menyatakan bahawa sesuatu kegagalan atau keengganan untuk membayar apa-apa levi kenderaan barang-barang yang kena dibayar di bawah Akta ini adalah suatu kesalahan yang penalti baginya telah ditetapkan.

3. *Fasal 6* hingga *10* membuat peruntukan mengenai beban bukti berkenaan dengan pengecualian, pentadbiran dan penguatkuasaan Akta, kuasa pegawai-pegawai yang dilantik bagi menguatkuasakan Akta, menghendaki pengemukakan dokumen-dokumen berhubung dengan apa-apa kenderaan barang-barang dan kesalahan serta penalti kerana apa jua kegagalan atau keengganan untuk mematuhi kehendak itu, dan kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (PU²) 1263.]